

# Henti polemik Anwar ganti Tun M

UM - 3/6/2019 m/s: 16

“**B**ERI saya buat kerja saya dahululah, saya jaga hubungan saya dengan Perdana Menteri dan parti supaya sentiasa baik. Kita ada konsensus, kadang-kadang bincang isu-isu penting dengan Perdana Menteri.”

Itulah jawapan yang diberikan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim apabila ditanya wartawan, pada Rabu lalu adakah Presiden PKR itu sudah bersedia menjadi Perdana Menteri bagi menggantikan Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Walaupun Anwar bersedia menjawab soalan tersebut tetapi sepatutnya isu peralihan kuasa antara beliau dan Dr. Mahathir seperti disepakati oleh Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) tidak perlu dibangkitkan lagi.

Dr. Mahathir sendiri sudah memberikan penegasan berkali-kali bahawa beliau akan menyerahkan jawatan tersebut kepada Anwar seperti mana dipersetujui oleh PH sebelum ini manakala Anwar turut optimis bahawa Perdana Menteri akan melaksanakan peralihan kuasa apabila tiba masanya.

Perlu difahami, peralihan kuasa itu bukan berkisar soal persetujuan antara Dr. Mahathir dengan Anwar tetapi jauh daripada itu ialah adalah kesepakatan yang dimeterai oleh kepemimpinan tertinggi PH. Berdasarkan fakta tersebut, apa sahaja perubahan boleh dibuat oleh kepemimpinan berkenaan dan bukannya oleh Dr. Mahathir secara sendirian.

Oleh itu adalah wajar jika



**SOAL penggantian Perdana Menteri tidak perlu digembar-gemburkan kerana boleh mewujudkan tanggapan kepemimpinan dan politik negara tidak stabil. - TWITTER ANWAR IBRAHIM**

persoalan dan cerita-cerita mengenai peralihan kuasa antara Dr. Mahathir dan Anwar tidak dibangkitkan lagi. Tiada siapapun untung kalau ia terus ditimbulkan semata-mata bagi tujuan politik mana-mana pihak.

Hentikanlah khabar-khabar angin kononnya Anwar akan berhadapan dengan tuduhan ‘sodomi 3’ bagi menghalang beliau menjadi Perdana Menteri dan Dr. Mahathir sedang melaksanakan usaha dengan kerjasama bekas-bekas menteri bagi menarik lebih ramai ahli Parlimen UMNO menyertai Bersatu yang bertujuan menghalangi Presiden PKR untuk menggantikan Dr. Mahathir. Tidak cukup dengan itu ahli Parlimen UMNO dan Pas juga didakwa diseret bagi mempertahankan Dr. Mahathir dengan tujuan menjatuhkan Anwar.

Sebagai seorang negarawan Dr. Mahathir pasti tidak akan mensiona-sia pengorbanannya keluar daripada persaraan ‘demi untuk menyelamatkan

negara’ tetapi akhirnya melakukan tindakan politik yang boleh memusnahkan impian rakyat.

Walaupun Dr. Mahathir menegaskan, tempoh sebenar tidak dinyatakan bila perlu menyerahkan kuasa kepada Anwar tetapi Dr. Mahathir bersetuju untuk menepati janji yang dibuat dan setakat ini semua barisan kepemimpinan PH yakin serta komited terhadap perjanjian berkenaan.

Apabila itulah berlaku sudah pastilah ahli-ahli Parlimen PH akan menyokong keputusan Majlis Presiden untuk memilih Anwar sebagai Perdana Menteri. Tambahan pula secara praktikalnya, Perdana Menteri akan mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertuan Agong, selepas Seri Paduka berpuas hati individu berkenaan mendapat sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat.

Justeru kenapa perlu ada pihak yang mahu melakukan kerja-kerja politik yang tidak

mendatangkan faedah kepada negara dengan membuat spekulasi bukan-bukan mengenai hubungan Dr. Mahathir dan Anwar?

Begitu juga dengan tindakan menyebarkan khabar angin akan berlaku rombakan Kabinet yang bakal menyaksikan Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri. Perkara itu sudah dinafikan berkali-kali oleh Dr. Mahathir tetapi ia tetap juga dibangkitkan dan terbaru kononnya akan berlaku selepas Hari Raya Aidilfitri ini.

Sudah pasti keputusan pelantikan Timbalan Perdana Menteri ditentukan oleh Majlis Presiden PH, secara logiknya Anwar adalah Presiden PKR, beliaulah sepatutnya menduduki jawatan nombor dua negara itu bukannya Mohamed Azmin.

Hakikatnya penulis tidak faham kenapakah soal penggantian Perdana Menteri ini mahu digembar-gemburkan sedangkan secara langsungnya ia boleh mewujudkan tanggapan bahawa kepemimpinan dan politik negara tidak stabil. Jika ini berterusan sudah pasti yang akan menerima kesannya ialah rakyat dan negara.

Negara kini bukannya berada dalam selesa. Kita sedang berhadapan dengan pelbagai masalah sama ada dalam mahupun luar negara. Rakyat merintih dengan kos sara hidup yang semakin meningkat manakala keyakinan pelabur pula semakin goncang. Dalam

keadaan pelabur mempunyai pilihan melabur di negara lain seperti Laos, Vietnam, Kemboja atau Indonesia, apa perlunya mereka datang negara kita, kalau mereka melihat Malaysia tidak mempunyai kestabilan politik dan digambarkan masih lagi bergelut dengan perubahan pucuk pimpinan negara.

Oleh itu adalah wajar jika kita menghentikan polemik politik tersebut. Tumpuan perlu diberikan kepada usaha memulihkan negara. Kerajaan PH di bawah kepemimpinan Dr. Mahathir perlu diberi peluang dan dibantu bagi melaksanakan agenda berkenaan.

Cukup-cukuplah berpolitik, rakyat sudah bosan dan muak. Sekarang adalah masa untuk memberi tumpuan membangunkan negara dan mensejahterakan rakyat. Masih terlalu banyak yang perlu dilakukan oleh PH bagi membuktikan kepada rakyat bahawa mereka berupaya menguruskan negara.

Kerajaan PH harus membuktikan mereka lebih baik daripada Barisan Nasional (BN) dan seandainya mereka gagal berbuat demikian sudah pasti rakyat tahu apa yang akan dilakukan pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).

Sememangnya dalam politik segalanya berkemungkinan tetapi negara berada pada kedudukan tidak boleh berlaku sebarang pergolakan politik, tidak kira disebabkan isu apa sekalipun. Kalau ia dibiarkan terjadi, percayalah kita menjemput ‘petaka’ kepada negara ini.